



## **NILAI TAMBAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU: BAKE@EKABAHASA**

---

Nurul Hakimah Abdul Rahim  
Rosmani Ramin

Sekolah Rendah Yew Tee

### **Abstrak**

Kertas kerja ini membincangkan usaha percubaan untuk melakarkan perubahan yang ketara bagi waktu *Extra Curriculum* (EC) atau twaktu kurikulum ambahan untuk murid-murid Darjah 5 yang mempelajari Bahasa Melayu. Maklum balas daripada ibu bapa mendapati bahawa program EC di sekolah tidak berbeza dengan pengajaran semasa waktu kurikulum biasa di kelas. Lantas, murid berasa agak bosan semasa EC. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk menjadikan pembelajaran semasa EC lebih menyeronokkan. Satu Paket EC telah dibina dan paket ini merangkumi aspek bahasa dan estetika. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa murid teruja dan berasa seronok mengikuti pembelajaran yang menggunakan Paket EC.

## Pengenalan

Pembelajaran berlaku bukan sahaja apabila murid-murid senyap dan serius tetapi juga apabila keseronokan terjadi di dalam bilik darjah. Jika mengikut pemikiran tradisional, dipercayai bahawa pengajaran yang lebih payah, contohnya karangan, hanya boleh berlaku apabila murid-murid tenang dan serius. Teknik pengajaran yang dianggap paling berkesan adalah dengan menggunakan pena dan papan tulis. Sebenarnya pembelajaran yang berkesan masih boleh berlaku dengan pengajaran yang menyeronokkan. Persekutaran yang menyeronokkan amat penting untuk mencapai pembelajaran yang maksimum. Suasana atau senario seronok ini menerbitkan persekitaran pembelajaran yang positif di bilik darjah.

Dengan perlaksanaan Pakej *Extra Curriculum* (EC) ini, murid diharapkan dapat memperkaya bahasa, mengaplikasi apa yang telah dipelajari, menjana kreativiti dan juga dapat mengekspresikan diri. Dalam memperkaya bahasa, murid diharapkan dapat meningkatkan kosa dan meluaskan pembacaan melalui media termasuklah media cetak. Selain itu juga diharapkan murid dapat mengekspresikan diri dengan menyampaikan pandangan dan pendapat mereka melalui pembentangan mahupun persembahan menggunakan pelbagai wadah bukan setakat menggunakan pena dan kertas.

Pakej EC ini mempunyai empat elemen utama. Sila rujuk Rajah 1. Bahasa, Aplikasi, Kreativiti dan Ekspresi (BAKE) merupakan elemen penting untuk menambah nilai dalam pengajaran dan pembelajaran.

Rajah 1: BAKE



## Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1. melihat sama ada keseronokan dan kreativiti dapat meningkatkan pembelajaran murid;
2. menggabungkan aspek bahasa, ekspresi diri, aplikasi pelajaran bersama kreativiti murid; dan
3. menerapkan strategi-strategi seperti pemahaman teks kefahaman dan peluasan ayat.

## Permasalahan Kajian

Guru yang mengajar Pakej EC berbeza daripada guru subjek. Para guru subjek sukar mengaitkan sama ada pembelajaran dalam Pakej EC dan masa kurikulum dapat dikaitkan. Murid juga sering kali menghadapi masalah menulis

dan mengutarakan pendapat mereka kerana perbendaharan kata dan idea yang terhad.

## Kajian Lepas

Perry (1998) menyatakan bahawa terdapat enam komponen untuk menjadikan pembelajaran lebih seronok dan menarik. Enam komponen ini ialah rasa ingin tahu, keyakinan diri, cabaran untuk melakukan sesuatu yang baharu, rasa tanggungjawab, penggunaan deria dan keseronokan dalam pembelajaran dan yang terakhir adalah mempunyai komunikasi yang berkesan.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Johnson, Johnson, dan Smith (1991) pula, murid-murid yang aktif dalam proses pembelajaran ialah mereka yang dapat belajar dengan baik. Menurut Johnson, Johnson dan Smith lagi, murid dapat belajar dan menyerap ilmu atau pelajaran apabila murid belajar dalam kumpulan-kumpulan yang kecil.

Kajian Dick & Reiser (1989) pula menyatakan bahawa adalah penting bagi mewujudkan arahan yang berkesan (*effective instructions*) dalam pembelajaran. Selain mementingkan keseronokan semasa murid mengikuti pembelajaran, arahan yang efektif memberi peluang kepada murid agar mendapat kemahiran untuk menguasai sesuatu ilmu dan sikap yang positif.

Bission dan Luckner (1996) telah menyifatkan keseronokan adalah salah satu pendorong dalam pembelajaran sebagai sesuatu yang lumrah dalam proses pembelajaran dalam pembangunan diri murid.

## **Kaedah Kajian**

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 5 bahasa Melayu tahun 2012. Mereka terdiri daripada kumpulan murid yang mempunyai kebolehan yang pelbagai. Oleh itu, kerja-kerja kumpulan dilakarkan mengikut kebolehan masing-masing. Jumlah keseluruhan murid Darjah 5 Standard ialah 46 orang. Dalam kalangan murid ini, ramai di antara mereka kurang membaca buku-buku bahasa Melayu. Oleh itu, pemahaman dan perbendaharaan kata mereka agak terhad.

### **Instrumen Kajian**

Pemerhatian guru terhadap sikap dan cara pembelajaran murid digunakan sebagai instrumen kajian. Guru menilai respons murid semasa pembelajaran dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Borang maklum balas diberikan kepada semua murid selepas sesi pakej EC ini dijalankan selama sepenggal.

### **Prosedur Kajian**

Sesi EC dijalankan seminggu sekali. Murid-murid Darjah 5 bahasa Melayu Standard ini dibahagikan kepada dua kelas. Pakej EC ini juga terbahagi kepada tiga topik pengajaran iaitu kefahaman, karangan dan lisan. Topik pengajaran akan berubah setiap dua minggu.

### **Pengajaran Kefahaman**

Sebagai contoh, salah satu pengajaran kefahaman ialah pengajaran ‘Strategi Kefahaman Membaca’. Objektif pengajaran adalah untuk memahami teks kefahaman yang diberi oleh guru.

## Aktiviti Pengajaran

1. Guru memilih lapan hingga 14 perkataan yang terdapat dalam teks dan mencatatkannya di papan tulis. Perkataan yang dipilih haruslah mewakili watak, latar, masalah, kesudahan dan juga perkataan yang tidak diketahui yang berkait rapat dengan tema teks tersebut.
2. Setiap kumpulan yang terdiri tidak lebih dari empat orang, akan berbincang dan menulis perkataan-perkataan yang telah ditulis guru di kertas yang diberi.
3. Di lembaran kerja itu, terdapat ruang ‘Untuk saya selidiki’ bagi menggalakkan murid menulis perkara yang ingin mereka selidiki atau terokai semasa membaca teks itu nanti.
4. Ruang ‘Perkataan yang tidak diketahui maknanya’ adalah untuk perkataan yang mereka tidak tahu maknanya dan bukan untuk perkataan yang mereka tidak dapat masukkan dalam mana-mana ruang.
5. Murid diberi teks Kefahaman dan membacanya.
6. Murid menyumbang saran pendapat mereka tentang teks kefahaman dan perkataan-perkataan yang mereka kategorikan dalam ruang-ruang yang disediakan sama ada sama atau tidak dengan perkataan yang dikemukakan oleh penulis.

## Pengajaran Karangan

Salah satu pengajaran karangan yang digunakan ialah ‘Strategi Peluasan Ayat’. Objektif pengajaran adalah supaya murid dapat menambah idea dan meluaskan ayat asal dengan menggunakan panca indera mereka.

## Aktiviti Pengajaran

1. Murid dikehendaki untuk menggunakan panca indera mereka melihat keadaan sekeliling.
2. Murid kemudian kembali ke kelas.

3. Guru menyenaraikan apa yang mereka lihat, dengar dan hidu sewaktu di kantin dalam peta minda.
4. Melalui perkataan atau frasa-frasa yang diberikan oleh murid, guru meinta murid melakarkan perenggan untuk menggambarkan keadaan kantin secara berkumpulan.
5. Murid berkongsi perenggan yang telah dibina bersama rakan sedarjah.

## Pengajaran Lisan

Bagi pengajaran lisan pula, pengajaran ‘Strategi Bacaan Lisan’ bertujuan untuk meluaskan pandangan murid tentang bacaan lisan. Bacaan lisan harus mudah difahami dan juga tidak membosankan para pendengar.

## Aktiviti Pengajaran

Berikut ialah aktiviti yang dilalui murid.

1. Murid menonton video Berita Suria.
2. Murid memberi komen tentang bacaan pemberita dari segi:
  - a. nada suara;
  - b. jeda; dan
  - c. sebutan perkataan, terutama sekali perkataan yang sukar.
3. Murid juga diberi peluang untuk membaca seperti pemberita. Guru akan mengecilkan suara audio dan murid akan membaca teks yang terdapat di skrin,
4. Murid merakamkan suara mereka untuk meninjau kembali cara bacaan mereka.
5. Murid membuat refleksi tentang apa yang telah dibentangkan dalam kelas mengenai bacaan pemberita.

## **Dapatan Kajian**

Secara keseluruhan, berdasarkan pemerhatian guru, murid-murid lebih responsif dan teruja semasa pembelajaran dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Murid-murid juga menunjukkan sikap positif dan ingin mencuba aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Kreativiti mereka juga terserlah semasa pembentangan idea dengan kesungguhan mereka meluahkan pandangan mereka.

Melalui maklum balas secara lisan pula, murid juga meluahkan rasa seronok semasa Pakej EC dijalankan. Cara guru menyampaikan pengajaran di dalam kelas semasa Pakej EC digunakan juga berbeza kerana aktiviti-aktiviti yang guru jalankan amat menyeronokkan murid dan guru tidak sabar untuk melihat respons murid.

## **Kesimpulan**

Dapatan kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa keseronokan dalam pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran bahasa murid. Dengan menerapkan keseronokan dalam pengajaran, murid dapat pelajar dengan lebih berkesan.

Terdapat beberapa cabaran semasa kajian dijalankan. Guru subjek tidak dapat mengajar kelas EC oleh kerana kekurangan kakitangan dan masalah judual waktu. Jika sesi EC ini dapat dijalankan oleh guru, guru boleh melihat impak terhadap pembelajaran murid mereka sendiri. Guru itu juga dapat melihat sama ada murid dapat menerapkan apa yang dipelajari dalam sesi EC ini dalam masa kurikulumnya dan kerja harian. Dengan ini, dapatan kajian tentunya lebih tepat untuk melihat keberkesanan pakej ini. Kajian lanjut juga boleh dijalankan untuk mengenal pasti kemerosotan atau pencapaian murid daripada keputusan Peperiksaan Semestral 1 yang akan menjelang.

## Rujukan

- Bisson, Christian, Luckner dan John (1996). *Fun in Learning: The Pedagogical Role of Fun in Adventure Education.* Perspectives.
- Dick, Walter dan Reiser, Robert A. (1989). *Planning Effective Instruction.* Prentice Hall. USA.
- Greg Crowther (2006). Music as a Component of Classroom Diversity. Dipetik pada 18 April, 2012 dari, <http://cf.synergylearning.org/displayarticle.cfm?selectedarticle=598>
- Johnson, Johnson dan Smith (1991). Group Work and Study Team in Doris, G. Barbara, '*Tools for Teaching*'. Jossey-Bass. San Francisco.
- Malone, T. dan Lepper, M.R. (1987). 'Making learning fun: a taxonomy of intrinsic motivations for learning.' in R.E. Snow & M.J. Fa (ed.), Aptitude, learning and instruction, III: Conative and Affective process analysis (NJ: Hillsdale).
- M. A. Davies (2000). 'Learning . . . the Beat Goes On', Childhood Education, 76: pp. 148-153.
- Perry, William G (1998). *Form of Ethical and Intellectual Development in the college years. A Scheme.* Jossey-Bass. San Francisco, California.